

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN PUSAT RAWATAN LUKA  
Lokasi : PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA  
Tarikh : 29-09-1998

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Pusat Perubatan Universiti Malaya kerana mengundang saya menyempurnakan perasmian projek Penjagaan Kaki Diabetik melalui Pusat Rawatan Luka, Pusat Perubatan Universiti Malaya yang ulung kali diadakan di negara kita.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya kerana berjaya berusaha melaksanakan penjagaan kaki diabetik secara menyeluruh. Mungkin ada tanda tanya kenapa pula perlu adanya satu Pusat Khas bagi penjagaan kaki orang-orang pengidap diabetis. Oleh kerana mereka pengidap diabetislah yang tumpuan khas diberi kepada mereka untuk mencegah langkah-langkah akhir dilakukan atas kaki mereka, iaitu amputasi.

3. Pencegahan lebih baik daripada memberi rawatan.

Bagi seorang biasa, luka di kaki mungkin tidak merbahaya, kecuali luka itu diserang dengan kuman tetanus dan orang itu akan dapat penyakit terkancing gigi, yang mana, jika tidak dirawat cepat, akan mendatangkan mudharat kepada pesakit.

4. Bagi seorang pengidap diabetis, lain ceritanya. Oleh kerana, darahnya mengandungi gula, kuman membiak dengan cepat dan merebak kepada bahagian lain secara cepat juga jika tidak di kawal dan dirawat dari awal. Apa yang kita mesti cegah dari pengidap diabetis yang terluka di kaki ialah serangan gangrene. Keadaan gangrene yang tidak dikawal sentiasa berakhir dengan amputasi anggota yang terlibat, jika tidak, mendatangkan maut.

5. Penyakit ini boleh dicegah dan oleh sebab itu Pusat Rawatan luka ini diwujudkan untuk pengidap-pengidap diabetis.

6. Namun, jika pesakit-pesakit tidak diberi pelajaran kesihatan atau menjaga kaki masing-masing dengan teliti dan baik oleh Jururawat-jururawat dan Pembantu-Pembantu Perubatan, tidak juga akan berkesan. Oleh itu, latihan yang rapi melalui program pengajaran untuk Jururawat dan Pembantu Perubatan dalam program Diploma Amalan Pemulihan (Penjaga Kaki Diabetik) khidmat klinikal dan projek penyelidikan diadakan juga. Anggota kesihatan yang menjalankan tugas-tugas ini perlulah lengkap dengan maklumat mengenai penyakit diabetis, komplikasi-komplikasinya dan cara-cara pencegahannya untuk disampaikan kepada pengidap diabetik dengan pendekatan yang mudah mereka menerima dan memahaminya.

7. Oleh kerana pencegahan dan pemulihan bagi pengidap diabetik amat penting sekali, ujudnya suatu perkongsian bistari - smart partnership - antara institusi Kerajaan, iaitu Pusat Perubatan, Universiti Malaya, badan-badan bukan Kerajaan iaitu BAKTI dan pihak swasta iaitu Syarikat ConvaTec (M) Sdn Bhd yang masing-masing menyumbangkan wang untuk melaksanakan program ini. BAKTI menyokong projek-projek yang berkaitan dengan pengurangan seksa diantara mereka yang kurang upaya, dan oleh itu, BAKTI dengan sukacita menyumbang sedikit peruntukan dan bersama-sama dengan dua rakan pengkongsian lain menjayakan program ini.

8. Semoga Pusat Rawatan Luka ini berjaya untuk memberi khidmat kepada pengidap-pengidap diabetik di seluruh negara.

9. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya merasmikan Khidmat Penjagaan Kaki Diabetik di Pusat Rawatan Luka, Pusat Perubatan, Universiti Malaya.